

26 JUN 2003

PBDS-Tajem (Bergambar)/I

TAJEM LANTIK S/AGUNG PARTI DAN AKAN NAMAKAN ANGGOTA MT ESOK

KUCHING, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Daniel Tajem yang memegang jawatan presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) hari ini melantik semula anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Belaga, Stanley Ajang Batok sebagai setiausaha agung parti.

Beliau turut melantik Adun Julau, Joseph Salang sebagai bendahari agung.

"Saya akan berunding dengan anggota lain pada mesyuarat parti esok di ibu pejabat untuk melantik lapan anggota lain yang tempoh perkhidmatannya sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) tamat berikutan Datuk Amar Leo Moggie telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai presiden parti," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) sebaik pulang dari ibu negara.

Beliau berkata Ajang dan Salang dilantik segera ke jawatan masing-masing kerana portfolio itu sangat penting kepada parti.

Tajem berkata Moggie telah menggugurkan semua 10 anggota MT yang beliau lantik pada Persidangan Perwakilan Tiga Tahun Sekali (TDC) tahun lepas.

Sepuluh yang digugurkan daripada jawatannya ialah Ajang, Salang, Datuk Sri Dr James Masing (Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi dan Adun Baleh), Dublin Unting (Pembantu Menteri Pelancongan dan Adun Batang Ai) dan John Sikie Tayai (Adun Kakus).

Yang lain ialah dua anggota Parlimen Jimmy Donald (Sri Aman), Billy Abit Joo (Hulu Rejang), Sim Lai An, Assan Ngang dan Paul Kadang.

Tajem berkata mengikut perlembagaan parti, beliau secara automatik memegang jawatan tertinggi parti itu berikutan peletakan jawatan Moggie sebagai parti presiden.

"Bagi 10 anggota MT, tempoh mereka memegang jawatan masing-masing telah tamat," katanya.

Menurut beliau mengikut perlembagaan parti, presiden baru akan mengkaji semula semua situasi yang berkaitan dengan perkara-perkara mengenai anggota parti.

Ditanya sama ada beliau akan melantik ketua penerangan baru kerana Dr Masing telah digugurkan daripada jawatan sekarang dan kini hanya sebagai anggota biasa, Tajem berkata beliau akan berunding dengan anggota lain pada mesyuarat parti akan datang.

Beliau berkata pendirian parti ialah Moggie akan terus memegang jawatan menteri kabinet persekutuan.

Mengenai jawatankuasa penyelarasan persidangan parti yang dipengerusikan Dr Jawie Masing yang mahu meletak jawatan baru-baru ini, Tajem berkata perkara itu juga akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

Tajem juga berkata tarikh persidangan parti bulan depan tidak akan diubah.

Beliau enggan menjawab pertajaan mengenai dakwaan bahawa ada helah politik untuk menekan kumpulan Dr James Masing yang dikaitkan dengan naib presiden parti Datuk Sng Chee Hua untuk bertanding jawatan presiden pada persidangan parti bulan depan.

Tajem berkata Moggie telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai peletakan jawatannya sebagai presiden PBDS berkuatkuasa hari ini.

-- BERNAMA

FLL MT BK RON

